

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS**  
**[ JELEBU ]**

**SOALAN**

**DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS [ JELEBU ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan berapakah kadar penggunaan getah dalam negara pada ketika ini, dan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan penggunaan getah dalam negara bagi mengimbangi kekurangan import luar negara.

**JAWAPAN**

Pada 2018, jumlah penggunaan getah asli di Malaysia meningkat 5.5% kepada 515,000 tan berbanding pada tahun 2017. Pada 2019 iaitu sehingga Julai, jumlah penggunaan mencatatkan sedikit penurunan iaitu 2.2% selari dengan penurunan eksport barangan berasaskan getah yang menguncup sebanyak 1.2% kesan dari kelembapan ekonomi dunia terutamanya di negara pasaran eksport utama Malaysia seperti Amerika Syarikat dan negara-negara di Eropah

Langkah yang diambil oleh Kementerian bagi meningkatkan penggunaan getah dalam negara adalah seperti berikut:

- a) penggunaan getah dalam pembinaan jalan raya dan penghasilan produk-produk baru dan bernilai tambah berasaskan getah seperti *Seismic Bearing*, sarung tangan getah dan lain-lain; dan

## SOALAN NO : 157

- b) memperuntukkan RM100 juta pada tahun ini bagi pembinaan dan penyelenggaraan jalan raya berasaskan getah daripada *cuplump modified bitumen* (CMB). Projek ini sedang dilaksanakan oleh pihak JKR dan dipantau oleh pihak Lembaga Getah Malaysia (LGM) dan Kerajaan adalah dimohon untuk meneruskan penggunaan CMB untuk jalan raya walaupun pada kos awalan yang lebih tinggi berbanding jalan konvensional, tetapi projek ini dapat meningkatkan penggunaan getah domestik dan memberi impak kepada harga getah dengan mengurangkan stok antarabangsa dalam jangka masa panjang.

Sekian, terima kasih